

21 OCT 2002
PERKIM-Kutuk
PERKIM KUTUK DASAR BERAT SEBELAH KUASA BESAR

BUKIT MERAH, 21 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) mengutuk dasar berat sebelah kuasa besar dalam menangani isu keganasan Israel terhadap Palestin dan mahukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengambil langkah tegas menghentikan keganasan itu.

Yang Dipertua PERKIM Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata pertubuhan itu meminta kerajaan agar mendesak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya bersatu dalam mencari penyelesaian bagi memastikan rakyat Palestin dan Iraq mendapat pembelaan sewajarnya.

"Tindakan ganas dan tidak berperikemanusiaan tentera regim Israel terus mendorong rakyat Palestin untuk bertindak balas, sementara pelbagai sekatan ke atas rakyat Iraq mengakibatkan penderitaan yang berterusan serta membangkitkan kemarahan umat Islam seluruh dunia," katanya semasa menutup Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM ke-41, di Bukit Merah Lake Town Resort, Taiping semalam.

Para perwakilan persidangan itu telah mengadakan sembahyang khas memohon perlindungan dan meringankan penderitaan rakyat Palestin dan Iraq.

Abdul Taib yang juga Ketua Menteri Sarawak berkata beliau sendiri akan menyampaikan usul mesyuarat agung PERKIM itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta menyatakan sokongan PERKIM yang akan berdiri teguh di belakang perdana menteri dalam memperjuangkan keamanan di rantau Asia Barat.

Beliau juga akan menghantar usul berkenaan kepada Setiausaha Agung PBB Kofi Annan bagi menyatakan bantahan PERKIM ke atas keganasan di Palestin dan Iraq.

"Usul yang sama turut akan dihantar kepada setiausaha agung OIC, semua ketua negara Islam di dunia, supaya mereka mengetahui peranan PERKIM di Malaysia," katanya.

Semua bahagian PERKIM juga telah diminta agar memberi penjelasan kepada orang bukan Islam bahawa Islam bukan pendokong keganasan.

Pada mesyuarat itu Sarawak dipilih menjadi tuan rumah bagi mesyuarat agung anggota lelaki PERKIM tahun depan, manakala Port Dickson sebagai tuan rumah anggota wanita.

-- BERNAMA
AS APG HM